



SUMPAH NAFY AL-'ILMI MENURUT UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM DI MALAYSIA

NAFY AL-'ILMI OATH ACCORDING TO ISLAMIC LAW OF EVIDENCE IN MALAYSIA

^{1,2*} Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ¹ Hasnizam Hashim, ¹ Zulfaqar Mamat,

¹ Lukman Abdul Mutalib, ¹ Ahmad Syukran Baharuddin,

² Norma Jusof

¹Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

²Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Malaysia.

*Corresponding author. E-mail: wanfattah@usim.edu.my

ABSTRACT

Oaths are generally a method of proof agreed upon by scholars. In addition, the oath is a unique method of proof due to its division, the long scholarly debate and has a variety of terms even though they have almost the same meaning. Oaths are not only enforced as evidence in court, in fact it is also an out-of-court practice that sometimes becomes a confusion between evidence and common practice. In fact, an oath that has its significance in court and being executed in court after fulfilling its conditions. This paper discusses several issues including the concept of oath such as definition, legislation, and conditions of oath according to Islamic law and legislation. The main aim of this paper is to explain the concept and practice of "Nafyi al-'Ilmi Oath" and its practice according to Islamic Evidence Law in Malaysia. The oath of Nafyi al-'Ilmi is very rarely discussed in the 'Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006' and is adopted in Syariah Courts in Malaysia. This paper also discusses the status of the Nafyi al-'Ilmi oath as evidence and is the Nafyi al-'Ilmi Oath considered as oath of *al-Tauthiq* or *al-Ihtiat*.

Keywords: evidence, proof, oath, Yamin al-Nafy, Shariah law



ABSTRAK

Sumpah secara umumnya merupakan kaedah pembuktian yang disepakati para ulama. Di samping itu, sumpah merupakan kaedah pembuktian yang amat unik disebabkan pembahagiannya, perbahasan ulama yang panjang lebar dan juga mempunyai pelbagai istilah sekalipun mempunyai maksud yang hampir sama. Sumpah bukan setakat dilaksanakan dalam keterangan di mahkamah, bahkan ia juga menjadi amalan di luar mahkamah yang kadang-kadang menjadi kekeliruan antara pembuktian atau ia hanya sebagai amalan biasa. Pada hakikatnya sumpah yang mempunyai nilai pembuktian adalah sumpah yang dilaksanakan dalam mahkamah setelah memenuhi syarat-syaratnya. Dalam kertas kerja ini terdapat beberapa isu yang ingin diperkatakan di antaranya konsep sumpah seperti definisi, pensyariatan dan syarat-syarat sumpah menurut syarak dan perundangan Islam. Matlamat utama kertas kerja ini ialah menjelaskan konsep dan amalan 'Sumpah Nafyi al-'Ilmi' dan amalannya menurut Undang-Undang Keterangan Islam Di Malaysia. Sumpah Nafyi al-'Ilmi amat jarang diperbincangkan dinyatakan dalam 'Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006' dan diterima pakai dalam Mahkamah Syariah di Malaysia. Artikel ini menjelaskan status Sumpah Nafyi al-'Ilmi dalam pembuktian dan adakah Sumpah Nafyi al-'Ilmi merupakan sumpah *al-Tauthiq* atau sekadar *al-Ihtiat*.

Kata Kunci: Keterangan, pembuktian, Sumpah, Yamin al-Nafy, Perundangan Syariah

Pendahuluan

Peranan mahkamah adalah merungkaikan pertelingkahan di antara pihak-pihak yang bertelagah dengan mengembalikan hak-hak yang dituntut kepada pemiliknya yang sebenar. Namun, sebarang tuntutan tidak hanya boleh dibuat sembarono sebaliknya perlu disokong dengan bukti-bukti kukuh yang dapat meyakinkan mahkamah dalam membuat keputusan yang adil. Sekali pun ia merupakan kaedah yang agak lemah dan diterima setelah ketiadaan bukti-bukti lain, namun sumpah merupakan salah satu daripada kaedah-kaedah pembuktian yang diiktiraf syarak. Keputusan yang dibuat berasaskan sumpah sememangnya diterima dan bersifat muktamad oleh sesetengah para fuqaha'. Sumpah juga diperuntukkan dalam akta dan enakmen keterangan di negeri-negeri seperti mana dalam seksyen 56, 72, 87, 88 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan sebagainya.

Walaupun begitu, tidak semua sumpah diterima sebagai hujah dalam keterangan. Ini kerana sebahagian sumpah hanya dijadikan kaedah sokongan bagi hakim dan ia harus dilaksanakan atau sebaliknya berdasarkan budi bicara iaitu 'sumpah *al-ihthiat*'. Manakala sumpah yang harus dijadikan kaedah pembuktian dan hujah bagi hakim dalam membuat keputusan dikenali sebagai 'sumpah *al-tauthiq*'. Antara yang menjadi tumpuan dalam artikel ini ialah 'Sumpah Nafy al-'Ilmi' yang menerima pemakaian di Mahkamah Syariah. Sejauh manakah penerimaan 'Sumpah Nafy al-'Ilmi' sebagai kaedah pembuktian? Adakah 'Sumpah al-'Ilmi' dikategorikan sebagai sumpah *al-Tauthiq* atau sekadar menduduki darjat sumpah *al-Ihtiat*. Persoalan-persoalan ini akan cuba dirungkaikan dalam artikel ini menurut fiqah dan amalannya menurut perundangan semasa.



AL-MAQĀSID

INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀSID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH

E-ISSN: 2735-1149, Vol. 2, No. 2, 2021, pp 25-37



Konsep Sumpah Menurut Fiqh Dan Perundangan Islam Di Malaysia

Definisi

Sumpah terdapat dua keadaan iaitu sumpah luar mahkamah (Sumpah *Ghair Qadhaiyyah*) dan sumpah dalam mahkamah (Sumpah *Qadhaiyyah*) atau sumpah kehakiman. Sumpah yang menjadi perbincangan dalam kertas kerja ini ialah Sumpah *Qadhaiyyah*. Sumpah (*al-yamin*) menurut bahasa merujuk kepada kanan kerana pada kebiasaannya bahagian kanan adalah bahagian yang gagah atau kuat berbanding bahagian kiri sama ada dari segi kekuatan, tenaga atau pangkat. Jika seseorang bersumpah bermakna ia ingin mengukuhkan atau menguatkan kata-kata dan ucapannya itu amat berbeza dengan ucapan-ucapan lain (Ibn Manzur, 1968; al-Razi, 1991; Mahmud Saedon A. Othman, 1990).

Terdapat beberapa definisi sumpah yang dinukilkan dari para ulama. Al-Jurjaniyy (1983) berpendapat, sumpah merujuk kepada pengukuhan terhadap sesuatu perkhabaran yang dibuat oleh salah seorang pihak yang bertelingkah dengan menyebut nama Allah s.w.t. Menurut al-Qilyubiyy pula, sumpah ialah pengukuhan terhadap sesuatu perkara tidak pasti sama ada telah berlaku pada masa lepas atau akan datang, dalam bentuk sabitan atau penafian (al-Qilyubiyy, 1995).

Maka sumpah dapat dikatakan sebagai: "Pengukuhan terhadap sabitan atau penafian sesuatu hak dengan bersaksikan Allah s.w.t di hadapan hakim". Pihak-pihak yang bersumpah akan menjadikan Allah s.w.t sebagai saksi terhadap kebenaran yang telah dilafazkan. Ini adalah kerana hanya Allah s.w.t Maha Mengetahui segala yang tersembunyi dan nyata di sebalik sumpah yang dibuat. Di sini juga dapat membezakan di antara pembuktian melalui sumpah dan kesaksian. Sumpah meletakkan Allah s.w.t sebagai saksi, manakala pembuktian melalui kesaksian yang menjadikan manusia saksinya (al-Zuhaily, Muhammad, 1994).

Majallah Ahkam al-Adliyyah menyatakan bahawa sumpah ialah lafaz yang diucapkan oleh salah seorang daripada dua pihak yang bertelingkah dengan menyebut nama Allah s.w.t di hadapan hakim atau naibnya. Menurut Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006, sumpah kehakiman atau disebut sebagai 'Sumpah Syarie' ditakrif sebagai:

"Suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah atau sifat-Nya, dilafazkan untuk menegaskan atau menafikan sesuatu hak atau fakta di dalam prosiding kehakiman".

Sumpah merupakan kaedah pembuktian yang disepakati ulamak sebagai salah satu elemen penting dalam pembuktian. Kenyataan ini bersandarkan kepada nas-nas syarie yang kukuh. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Terjemahan: Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya

(Sahih Muslim, 1998: Nombor Hadis: 1711).



Dalam Hadith yang lain yang telah diriwayatkan oleh Alqamah ibn Wa'il bin Hajar al-Hadhrami terjemahannya:

Seorang lelaki dari Hadramout dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah SAW, kemudian lelaki dari Hadramout itu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki ini telah merampas tanah kepunyaanku." Lalu lelaki dari Kindah itu menjawab: "Tanah itu kepunyaanku dan ia ada di bawah penguasaanku dan dia tidak berhak ke atas tanah itu." Lalu Nabi SAW berkata kepada lelaki dari Hadramout itu: "Adakah engkau mempunyai bayyinah?" Jawab lelaki dari Hadramout: "tidak ada." Nabi berkata kepada lelaki dari Hadramout: "Kalau begitu, bagi engkau sumpahnya (boleh memintanya bersumpah menafikannya)". Mendengar jawapan Nabi itu, lelaki dari Hadramout itu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki itu seorang yang buruk perangainya; ia tidak kisah kalau diminta bersumpah (sanggup bersumpah walaupun tidak benar), dan dia bukan seorang yang menjauhkan dirinya daripada dosa." Jawab Nabi: "Tiada bagi engkau darinya melainkan demikian (yakni minta dia bersumpah)"

(Sunan Abu Daud, 1997: Nombor Hadis: 3224).

Menurut amalan di Mahkamah Syariah, sumpah dilihat dalam dua situasi iaitu kes-kes mal dan jenayah. Jika dalam kes-kes mal, keterangan perlu diberikan oleh orang yang menegaskan sesuatu fakta dan sumpah bagi yang menafikan sesuatu fakta seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 72 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda'i) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'a 'alaih).

Manakala dalam kes-kes jenayah pula, kedua-dua belah pihak berhak untuk memberi keterangan. Seksyen 87 (1-3) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ada memperuntukkan:

(1) Dalam kes mal, keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan Mudda'a Alaih, dan jika Mudda'a Alaih menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Hukum Syarak.

(2) (a) Jika Mudda'a Alaih mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1), tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak. (b) Jika Mudda'a Alaih enggan mengangkat sumpah, maka Mahkamah bolehlah meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutananya hendaklah diterima.

(3) Dalam kes jenayah, keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah.



Dalam kes *Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu V. Tengku Zainul Akmal Tengku Besar Mahmud & Anor* telah:

Menjelaskan prinsip ini bila mana pihak yang didakwa menafikan dakwaan pihak yang mendakwa maka pihak yang mendakwa perlu mengemukakan keterangan (bukti) untuk membolehkan hakim memberi penghakiman bagi pihaknya tetapi jika ia gagal membawa bukti, mahkamah atas permintaan pihak yang mendakwa akan meminta pihak yang didakwa bersumpah (yamin) dan jika ia bersumpah maka dakwaan plaintif akan ditolak. Sebaliknya jika defendan enggan bersumpah (nukul yamin), sumpah tersebut akan diberikan kepada plaintif (yamin al-mardudah) dan jika plaintif bersumpah maka dakwaannya akan diterima dan dibenarkan [2013] 1 CLJ (Sha).

Semua kenyataan ini termasuk nas-nas syarie, peruntukan undang-undang dan juga kes yang pernah dilaporkan menunjukkan betapa sumpah mempunyai kedudukan tersendiri dalam pembuktian.

Syarat-Syarat Sumpah

Sumpah dilaksanakan hendaklah dengan menyebut nama Allah s.w.t atau sifat-sifatNya dan digabungkan dengan huruf sumpah. Terdapat tiga huruf sumpah atau dikenali juga sebagai huruf *al-Qasam* sama ada ia melibatkan sumpah biasa atau sumpah di dalam mahkamah iaitu *baa'* (ب), *taa'* (ت) dan juga *wau* (و). Amalan 7(e) dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006 menyatakan:

"lafaz sumpah hendaklah dimulakan dengan Wallahi, Wabillahi, Wa Tallahi atau sifat-sifat Allah dan dibuat di dalam bentuk yang tegas dan jelas berhubung dengan sesuatu tuntutan atau penafian".

Pihak bersumpah hendaklah seorang Mukalaf (Berakal dan Baligh) yang dilaksanakan secara sukarela (Al-Kasaniyy, 1997, Malik, t.t, Al-Mawardiyy, 1999; Ibn Qudamah, 1994). Maka sumpah kanak-kanak, orang gila, dipaksa dan melakukannya ketika tidur tidak diambil kira sebagai sumpah syarie. Ia bertepatan dengan Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Tidak dikira dosa untuk tiga golongan: orang yang tidur sehinggalah terjaga, kanak-kanak sehinggalah ia baligh dan orang yang gila hingga kembali berakal

(Sunan Abu Daud, 1997: Hadis No. 2955)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah telah memaafkan dari umatku kekeliruan, kealpaan dan apa-apa yang dipaksakan terhadap mereka"

(Sunan Ibn Majah, 2000)



Sumpah tidak menerima perwakilan sebaliknya ia perlu dilaksanakan sendiri oleh pihak-pihak yang bertelagah (Ibn Abidin, 1995; Ibn Qudamah, 1994). Selain itu, para ulama berselisih pendapat mengenai syarat orang bersumpah hendaklah Muslim. Menurut Hanafi, orang yang bersumpah hendaklah seorang Muslim dan sumpah daripada bukan Muslim adalah tidak sah. Hanafi berpendapat bahawa kafarah sumpah merupakan ibadat dan orang kafir tidak termasuk dalam golongan ahli ibadat menurut Islam. Kenyataan Imam Hanafi ini telah dinukilkan oleh Imam al-Mawardiyy dalam kitabnya 'Al-Hawi al-Kabir' dan bersependapat dengan Imam al-Syafie (al-Mawardiyy, 1999).

Kafarah merupakan ibadat dan pelaksanaannya tidak sah melainkan dengan niat dan niat berkait rapat dengan ibadat. Walau bagaimanapun, sumpah yang dilaksanakan orang kafir menurut jumhur, diterima syarak dan wajib memenuhi sumpahnya serta wajib membayar kafarah jika mengingkarinya sama ada sumpah itu dibuat semasa dia kafir atau selepas keislaman. Dalil jumhur dalam hal ini, Sayidina Umar r.a. pernah bernazar semasa zaman jahiliah untuk beriktikaf di Masjid al-Haram, maka diminta supaya ia memenuhi nazarnya itu. Maka dalam hal ini, sumpah dikiaskan dengan sumpah (al-Zuhailiyy, Wahbah, 1994).

Ulama juga bersepakat menyatakan, sumpah tidak dilaksanakan melainkan *mudda'a alaih* menafikan tuduhan yang dilemparkan kepadanya (al-Zuhailiyy, 1994.). Al-Hattab (1992) menyatakan, "*sekiranya pihak mudda'i berjaya mengemukakan bukti untuk menyokong dakwaannya, maka dalam hal ini sumpah mudda'a alaih tidak diperlukan*". Kenyataan bersandarkan hadith sebelum ini yang bermaksud:

Terjemahan: Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya.

(Sunan al-Baihaqi, 1999: Nombor Hadis: 3385)

Namun menurut Khalid (2005), dalam situasi tertentu pihak *mudda'i* juga berhak untuk bersumpah atau kedua-duanya dilaksanakan secara serentak. Namun terdapat beberapa situasi *mudda'i* perlu terlebih bersumpah berbanding *mudda'a alaih* iaitu kes *li'an*, *qasamah*, Sumpah *mudda'i* berserta seorang saksi tanpa ada sumpah *mudda'a alaih*, sumpah *Istizhar* dan juga kes sumpah *al-mardudah*.

Sumpah hanya dilaksanakan setelah pihak *mudda'i* meminta kepada hakim supaya *mudda'a alaih* bersumpah untuk menafikan pertuduhan yang dilemparkan kepadanya. Sekiranya *mudda'a alaih* bersumpah '*asliyyah*' sebelum *mudda'i* meminta berbuat demikian, maka sumpah tersebut tidak diterima dan wajib dilaksanakan semula. Begitu juga, sekiranya *mudda'i* bersumpah Mardudah sebelum keengganan pihak *mudda'a alaih* bersumpah, maka sumpah tersebut adalah tidak sah. Majallah al-Ahkam al-Adliyyah perkara (1744) menyatakan, "*sumpah tidak diambil kira melainkan dengan kehadiran hakim atau naibnya, begitu juga nukul tidak berlaku melainkan dengan kehadiran selain mereka berdua (hakim atau naibnya)*" (Ali Haidar, 1991).



Amalan 5 dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 menyatakan bahawa sumpah dianggap sah jika memenuhi syarat-syaratnya seperti berikut:

- (i) Orang yang bersumpah hendaklah akil baligh dan sukarela;
- (ii) Al-Mudda'a 'alaih tidak mengakui hak al-Mudda'i;
- (iii) Pihak yang bertikai meminta hakim arahkan pihak satu lagi bersumpah;
- (iv) Orang yang bersumpah hendaklah bersumpah bagi dirinya sendiri;
- (v) Perkara yang disumpah itu bukanlah hak Allah semata-mata;
- (vi) Perkara yang hendak dilaksanakan sumpah itu hendaklah mengenai hak yang boleh diterima pembuktian nya melalui iqrar.

Selain itu juga, sumpah hendaklah melalui proses pendakwaan yang sah. Menurut Khalid (2005), sumpah hanya harus dilaksanakan setelah memenuhi dua syarat iaitu: Pertama: Setelah berlaku pendakwaan yang sah iaitu telah memenuhi syarat-syarat pendakwaan yang telah ditetapkan syarak. Kerana pendakwaan yang tidak memenuhi syarat-syaratnya tidak akan diterima oleh hakim untuk perbicaraan seterusnya. Kedua: Setelah kegagalan pihak *mudda'i* mengemukakan keterangan yang dapat meyakinkan pihak mahkamah. Jika pihak *mudda'i* berjaya mengemukakan keterangan dan bukti-bukti yang kukuh, maka sumpah tidak akan dilaksanakan.

Sumpah juga dilaksanakan setelah kegagalan pihak *mudda'i* mengemukakan bukti. Namun terdapat perselisihan para ulama dalam hal ini (Sarkhasiyy, 1993; al-Zuhailiyy, 1994). Sumpah juga perlu dilaksanakan setelah diarahkan untuk berbuat demikian oleh hakim yang telah dilantik oleh pihak yang berautoriti sama ada khalifah atau wakil khalifah, sultan, pemerintah dan seumpamanya. Sumpah yang dilaksanakan juga berdasarkan niat Hakim yang telah memerintah tersebut sumpah dilaksanakan. Sumpah ini tidak akan menerima tauriah melainkan hakim tersebut dari golongan yang zalim. (al-Nawawi, 1392h). Kenyataan ini merujuk kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sumpah (di dalam mahkamah) merujuk kepada niat orang yang meminta seseorang itu bersumpah (hakim)

(Sahih Muslim, 1998)

Pembahagian Sumpah

Sumpah boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sumpah menurut fiqh dan sumpah menurut perundangan. Jika dilihat kepada pembahagian sumpah menurut fiqh, ia agak ringkas. Di mana sumpah dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu sumpah *mudda'i*, sumpah *mudda'a alaih* dan sumpah saksi. Sumpah *mudda'a alaih* dan sumpah saksi tiada pecahan kerana perlaksanaannya agak mudah dan pihak-pihak yang terlibat dengan sumpah tersebut pun adalah jelas iaitu pihak yang didakwa dan juga saksi. Cuma apabila sumpah *mudda'a alaih* dilaksanakan, maka ia merupakan sumpah pembuktian yang menjadi hujah kepada Hakim dalam membuat keputusan. Berbeza dengan sumpah saksi, ia dilaksanakan hanya untuk meyakinkan hakim dalam menerima keterangan yang bakal diberikan oleh saksi.

Sumpah saksi pada asasnya tidak boleh dijadikan pembuktian sebaliknya ia bersifat *ihitiat* iaitu menzahirkan sifat lebih hati-hati hakim dalam menerima kesaksian. Manakala sumpah *mudda'i* pula pecahannya agak banyak, kerana terdapat pelbagai kes yang menyebabkan Hakim



berhak untuk meminta *mudda'i* bersumpah. Misalnya sumpah *mudda'i* dan seorang saksi, sumpah *qasamah* dalam kes bunuh, sumpah *li'an* dalam kes suami menuduh isterinya berzina, sumpah pengesahan status amanah dan sumpah *Mardudah (Munqalibah)* iaitu sumpah *mudda'i* yang dikembalikan kepadanya setelah keengganan *mudda'a alaih* bersumpah (Ibn Qayyim, 2000; Ikrimah, 2009; Sarkhasiyy, 1993; al-Marghinani, 2000; Muhammad Abdullah, 2000; Ibn Juzayy, t.t.; al-Syiraziyy, 1995; Ibn Qudamah, 1994).

Amalan di mahkamah, sama ada di Malaysia dan beberapa negara Arab seperti Mesir, Saudi, Jordan, Iraq dan lain-lain menerangkan bahawa sumpah secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu sumpah sumpah *al-tauthiq (Hasimah)* dan sumpah *al-Ihtiath (Mutammimah)*. Dalam "Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006", sumpah di Mahkamah Syariah agak umum dan hanya dibahagikan kepada dua iaitu sumpah *al-hasimah* dan sumpah *al-mutammimah*.


Sumpah *al-Tauthiq (Hasimah)* menurut Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 ialah sumpah yang dilaksanakan oleh salah satu pihak atas permohonan pihak lain. Sumpah *al-Hasimah* sebenarnya adalah sama dengan sumpah *al-Tauthiq* seperti dalam perbincangan fiqh. Kesemua bahagian sumpah *al-Tauthiq* jika dilaksanakan, dapat dijadikan kaedah pembuktian bagi hakim menjatuhkan hukuman. Sumpah *al-Tauthiq* dibahagikan kepada dua iaitu sumpah *mudda'a alaih (Yamin al-Asliyyah, Yamin al-Dafi'ah, Yamin al-Wajibah dan Yamin Al-Rafi'ah)* dan sumpah *mudda'i*. Manakala sumpah *mudda'i* yang boleh dijadikan kaedah pembuktian ialah sumpah *al-Jalibah*. Sumpah *al-Jalibah* dibahagikan kepada lima jenis iaitu:

- Keterangan seorang saksi sahaja iaitu sumpah bersama seorang saksi (*al-Yamin ma'a al-Syahid*) atau dinamakan juga sebagai sumpah *al-Takmilah*.
- Kerana *nukul al-mudda'a alaih* atau keengganan pihak yang didakwa bersumpah sekalipun telah diperintahkan oleh hakim untuk berbuat demikian. Kemudiannya sumpah ini dikembalikan kepada *al-mudda'i* supaya bersumpah atau dinamakan *al-Yamin al-Mardudah* atau *al-Munqalibah*.
- Sumpah pengesahan amanah
- Kerana *lauth* dalam kes *al-Qasamah* dalam kes pembunuhan atau kecederaan.
- Kadangkala ia juga dilaksanakan kerana *Qazaf* suami terhadap isterinya dalam kes *li'an* (al-Zuhailiyy, Wahbah, 2007; Md. Salleh Haji Ahmad, 2003; Ikrimah, 2009).

Manakala sumpah *al-Ihtiath (Mutammimah)* lebih kepada sumpah yang diminta oleh hakim setelah mendapat keterangan lain. Dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 menyatakan bahawa sumpah *al-Mutammimah* ialah sumpah yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak setelah diarahkan oleh hakim untuk menguatkan perintahnya. Sumpah *al-Ihtiath* dilaksanakan bertujuan untuk meyakinkan hakim supaya lebih berhati-hati dalam membuat keputusan atau menerima keterangan daripada pihak-pihak yang tertentu. Sumpah *al-Mutammimah* yang paling kerap dilaksanakan semasa perbicaraan ialah sumpah *al-Istizhar*. Selain itu, sumpah nafi atau "*Yamin Nafyi al-'Ilmi*" turut dilaksanakan dan ia juga di bawah sumpah *al-Mutammimah*. Berdasarkan Arahan 8 (3), Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 menyatakan, "*dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, Hakim boleh apabila difikirkan patut atau perlu mengarahkan mana-mana pihak bersumpah Yamin Nafyi al-'Ilmi atau Yamin al-Mutammimah*".



Berdasarkan huraian di atas menunjukkan bahawa “*Yamin Nafyi al-`Ilmi*” pada zahirnya dikategorikan sebagai sumpah *al-Ihtiat* iaitu ia tidak dijadikan sebagai kaedah pembuktian. Sebaliknya sumpah *Nafyi al-`Ilmi* hanya untuk menguatkan keyakinan dalam membuat keputusan berdasarkan bukti-bukti yang telah diterima sebelum ini.



Sumpah Yamin Nafyi Al-`Ilmi Dan Amalan Di Mahkamah Syariah

Sumpah yang biasa diamalkan dalam mahkamah adalah melibatkan di antara dua pihak secara langsung iaitu di antara pihak yang menuntut (*mudda'i*) dan pihak yang dituntut (*mudda'a alaih*). Namun sumpah *Nafyi al-`Ilmi* ini sedikit berbeza kerana perselisihan berlaku antara *mudda'i* dan *mudda'a alaih* disebabkan tindakan pihak yang ketiga.



Misalnya: si 'A' mendakwa tanah lot yang berada di tangan si 'B' sebenarnya milik si 'A', yang mana bapa si 'B' telah menghibahkan tanah tersebut semasa hayatnya. Si 'A' gagal mengemukakan bukti-bukti yang dapat meyakinkan pihak mahkamah bahawa hibah itu berlaku. Dalam waktu yang sama bahkan si 'B' mendakwa dia tidak mengetahui bahawa tanah lot itu telah dihibahkan oleh arwah bapanya kepada si 'A'. Maka itu mahkamah akan meminta si 'B' untuk bersumpah dengan sumpah *Nafyi al-'Ilmi* iaitu sumpah untuk menyatakan bahawa si 'B' benar-benar tidak mengetahui bahawa berlakunya hibah tanah lot kepada si 'A' semasa hayat bapanya. Sumpah *Nafyi al-'Ilmi* berdasarkan Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dari Al Asy'ats bin Qais, bahawa seorang laki-laki dari Kindah dan seorang laki-laki dari Hadhramaut mengadu hal kepada Nabi SAW berkaitan sebidang tanah di negeri Yaman. Kemudian orang Hadhrami tersebut berkata; wahai Rasulullah, sesungguhnya tanahku di ambil bapak orang ini, dan tanah itu ada di tangannya. Beliau berkata: "Apakah engkau memiliki bukti?" ia berkata; tidak akan tetapi aku minta ia untuk bersumpah, dan Allah mengetahui bahawa tanah tersebut adalah tanahku yang diambil bapaknya. Kemudian orang Kindah tersebut bersiap-siap untuk bersumpah. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah seseorang mengambil harta dengan sumpah melainkan ia akan berjumpa dengan Allah dalam keadaan terpotong tangannya." Kemudian orang Kindi tersebut berkata; tanah tersebut adalah tanahnya.

(Sunan Abu Daud, Nombor Hadis: 3224)

Sekalipun hadith ini tidak menyatakan secara jelas istilah sumpah *Naf'yi al-'Ilmi*, namun perbuatan al-kindi untuk melaksanakan sumpah itu menunjukkan pensyariatan sumpah tersebut. Sumpah al-kindi itu bertujuan membuat penafian bahawa ia mempunyai maklumat yang bapanya telah mengambil tanah hak milik orang lain. Sekalipun akhirnya al-kindi tidak melaksanakan sumpah itu, namun dalam waktu yang sama Rasulullah SAW tidak juga menegah jika ingin dilaksanakan. Cuma baginda mengingatkan agar ia tidak menjadikan sumpah tersebut sebagai perisai untuk menutup pendustaannya. Dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006, Sumpah atau "*Yamin Nafyi al-'Ilmi*" bererti '*Sumpah seseorang menafikan yang ia mengetahui sesuatu perbuatan mengenai orang lain*'.

Dalam kes Mohd Mokhtar Hj Abdullah lwn. Fadhilah Hj Abdullah & Yang Lain:

Perayu dan responden-responden dalam rayuan di sini adalah anak-anak kepada seorang Wan Yah binti Che Kar (simati). Semasa hayatnya, simati telah menghibah suatu hartanah kepada anak-anaknya, kecuali perayu. Perayu mengatakan bahawa hibah yang dibuat untuk manfaat responden-responden telah ditarik balik oleh simati dan bahawa simati juga telah mengamankan supaya hartanah dibahagi sama rata di antara perayu dan responden-responden.

Dakwaan perayu adalah diasaskan kepada akuan bersumpah yang dibuat oleh responden keempat, yang menyatakan bahawa beliau mendengar simati/ibunya menarik balik hibah sambil mengamankan supaya hartanah di bahagi sama rata kira-kira seminggu sebelum beliau meninggal dunia. Responden-responden



pertama hingga ketiga, bagaimanapun, membantah dan menafikan bahawa simati telah menarik balik hibah yang dibuatnya. Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan yang berpihak kepada responden-responden dan perayu merayu. Persoalan yang berbangkit adalah sama ada dakwaan perayu disokong oleh keterangan yang mencukupi, dan jika tidak sama ada pengambilan sumpah harus dikenakan ke atas pihak-pihak menurut syarak.

Mahkamah Rayuan yang bersidang, setelah mengkaji dengan teliti segala rekod rayuan, hujah-hujah perayu dan responden serta lain-lain dokumen, dengan sebulat suara memutuskan bahawa hibah (pemberian hidup) yang dilakukan oleh Wan Yah bt Che Kar kepada anak-anaknya Fadhilah bt Hj Abdullah, Mohammad bin Haji Abdullah, Ghazali bin Haji Abdullah dan Meriah @ Maznah bt Haji Abdullah adalah menepati rukun-rukun dan syarat-syarat hibbah serta sah mengikut hukum syarak.

Tetapi tidak mengikut sunnah Rasulullah (s.a.w) yang mengarahkan umatnya supaya berlaku adil dalam pemberian seumpama ini kerana tidak dimasukkan sama anaknya Mohd. Mokhtar bin Haji Abdullah dan mahkamah ini menghukum ke atas responden 1 Fadhilah bt Haji Abdullah, responden ke 2 Mohammad bin Haji Abdullah dan responden ke 3 Ghazali bin Haji Abdullah bersumpah (نفي العلم) menafikan yang mereka mengetahui bahawa ibunya Wan Yah bt Che Kar menarik balik hibah yang telah dilakukan oleh ibunya kepada mereka. Manakala bersumpah demikian rayuan perayu ditolak. Dan jika mereka enggan bersumpah akan dijalankan sumpah Rad (اليمين المردودة) mengikut hukum syarak dan rayuan diterima serta dibatalkan hibah dan dibahagikan mengikut faraid [2006] 1 CLJ (Sya)

Walaupun sumpah *nafyi al-`Ilmi* di kategori sebagai sumpah *ihathi*, pihak yang diperintahkan untuk melaksanakannya perlu mematuhi arahan Hakim supaya melaksanakannya. Jika sumpah itu tidak dilaksanakan setelah diarahkan berbuat demikian, Hakim berhak untuk tidak menerima keterangan yang bakal diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat. Kenyataan ini bersandarkan kepada peruntukan umum dalam seksyen 129 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997:

Jika hal keadaan berkehendakkan sedemikian atau pemeriksaan saksi di bawah Bahagian ini tidak dapat dijalankan dan suatu pihak kepada prosiding itu membuat permohonan kepada Hakim supaya saksi itu mengangkat sumpah sebagai saksi benar bagi menguatkan keterangannya, Hakim hendaklah memerintahkan saksi itu mengangkat sumpah sedemikian dan hendaklah mengingatkan saksi itu bahawa jika dia tidak berbuat demikian keterangannya tidak boleh diterima.

Dalam kes-kes sumpah *Nafyi al-`Ilmi* yang dibuat dalam bentuk dokumen yang tidak rasmi, Hakim hendaklah terlebih dahulu mengesahkan status keasliannya. Kaedah pengesahan boleh dibuat melalui beberapa kaedah iaitu pengesahan dua orang saksi dan dua pakar. Jika kedua-dua kaedah sebelum ini gagal mengenal pasti status keaslian dokumen tersebut, maka akhir sekali



dokumen sumpah *Naf'yi al-Ilmi* dapat dibuktikan statusnya melalui sumpah seperti mana dalam seksyen 56 (6):

Jika sesuatu dokumen tidak boleh dibuktikan dengan mana-mana cara yang disebut terdahulu, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah, apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu, mengangkat sumpah, dan jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutan dengannya membuktikan tuntutananya

Penutup

Sumpah merupakan kaedah pembuktian yang disepakati ulama dan sangat unik berbanding dengan kaedah pembuktian yang lain. Kekuatan sumpah sebagai kaedah pembuktian telah disokong oleh nas-nas syarie terutamanya daripada al-Qur'an dan juga hadis. Sumpah mempunyai banyak cabang dan memiliki pelbagai nama dan jika tidak teliti ia akan mengelirukan kita. Sumpah pada asalnya melibatkan antara dua pihak yang bertelingkah sahaja iaitu *mudda'i* dan *mudda'a alaih* dan tiada pihak ketiga. Namun berbeza dengan sumpah *Naf'yi al-Ilmi* yang mana pihak bersumpah untuk menafikan bahawa mereka mempunyai maklumat terhadap tindakan sama ada perbuatan atau tutur kata pihak yang ketiga. Pada pandangan, saya sumpah *Naf'yi al-Ilmi* boleh dikategorikan sebagai sumpah *ihthiath* yang mana ia hanya berfungsi sebagai bukti sokongan yang perlu dikukuhkan dengan bukti-bukti sokongan yang lain, seperti saksi, dokumen dan seumpamanya. Jika dilihat dalam kes-kes sumpah termasuklah sumpah *Naf'yi al-Ilmi* masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik antaranya kedudukan sumpah *tauthiq* dan *ihthiath* dan status kedua-duanya dalam pembuktian tidak begitu jelas. Selain itu juga dari segi amalan sumpah juga masih tidak konsisten di antara negeri-negeri. Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006 perlu ditambah baik supaya ia lebih jelas dan bersesuaian dengan peranannya sebagai pentafsir kepada sumpah yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Rujukan

- Abu Daud, Sulaiman ibn al-Asy'ath al-Sajistani al-Azdi, (1997). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Hussain bin Ali, (1999). *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Hattab, Abu Abdullah Muhammad bin Abdul Rahman al-Maghribiy al-Malikiy, (1992). *Kitab Muwahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar Khalil*. t.t.: Dar al-Rasyad.
- Ali Haidar, (1991). *Durar al-Hukam Syarh Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*. Beirut: Dar al-Jail.
- Al-Kasaniy, Abu Bakar bin Mas'ud al-Kasaniy al-Hanafiy, (1997). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Marghinani, Syaikh al-Islam Burhanuddin Ali bin Abi Bakr al-Hanafi, (2000). *Al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadiy*. Al-Qaherah: Dar al-Salam.



- Al-Mawardiyy, (1999). *Al-Hawi al-Kabir fii al-Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin bin Syarf (1392). *Al-Manhaj Syarh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Tutah Al-Arabiyy
- Al-Qilyubiyy, Ahmad Salamah dan Umairah, Ahmad al-Barlasiyy, (1995). *Hasyiah al-Qilyubiyy wa Umairah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Raziyy, Fakhr al-Din bin al-Allamah Diya' al-Din, (1991). *Tafsir al-Fakhr al-Raziyy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sarkhasiyy, Abu Bakar Muhammad Ibn Ahmad, (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syiraziyy, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf al-Firuz Abadiyy, (1995). *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhailiyy, Muhammad Mustafa, (1994). *Wasa'il al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiyyah wa al-Mu'amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Cetakan ke-2. Riyadh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Al-Zuhailiyy, Wahbah, (2007). *Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Abidin. (1995). *Hasyiah radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtarn Syarh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Juzayy al-Kalby, Abu al-Qasim Muhammad Ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Abdullah. (t.t.) *Al-Qawwanin al-Fiqhiyyah*. t.t: t.p.
- Ibn Majah, (2000). *Sunan Ibn Majah bi Syarh Abu al-Hassan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi*. Cetakan ke-2. Beirut: Dar al-Ma'rifat.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukram ibn Manzur al-Misriyy, (1968). *Lisan al- 'Arab*. Beirut: al-Maktabah al-Markaziyyah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abu Bakar, (2002). *al-Turuq al-Hukmiyyah fii al-Siasah al-Syariyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, (1994). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ikrimah Sa'id Sabri, (2009). *Al-Yamin fi al-Qada' al-Islamiyy*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Mahmud Saedon A. Othman, (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malik ibn Anas, (t.t.) *al-Mudawwanah al-Kubra*. Qaherah: Dar al-Fikr.
- Md. Salleh Haji Ahmad, (2003) *Konsep al-Yamin dan perlaksanaannya di Mahkamah Syariah*. Kertas Kerja Seminar "Ke Arah Memperkemaskinikan Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah Syariah" pada 12 Jun 2003 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.
- Muhammad Abdullah wald Muhammad, (2000). *Al-Yamin al-Qadhaiyyah*. *Al-Majallah al-Arabiyyah li al-Dirasat al-Amniyyah wa al-Tadrib*. Jilid 15. t.t: t.p.
- Muslim, (1998). *Sahih Muslim bi Syarhi Imam al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.